

# INTEGRITY INFO



CAWANGAN INTEGRITI, IBU PEJABAT

MAC 2016

## PELANCARAN BUKU KOD ETIKA DAN TATAKELAKUAN KASTAM

PUTRAJAYA, 3 MAC 2016 :

Pelancaran buku Kod Etika dan Tatakelakuan Kastam telah berlangsung pada 3 Mac 2016 yang lalu di Dewan Semarak Jati, Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia Putrajaya.

Majlis pelancaran itu telah diadakan bersempena Hari Perhimpunan Setia peringkat Ibu Pejabat yang dianjurkan oleh Bahagian Perkastaman Ibu Pejabat. Pelancaran buku yang telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Johari Bin Abdul Ghani ini turut dihadiri oleh Ketua Pengarah Kastam, Dato' Seri Khazali Bin Hj. Ahmad dan Pengarah-Pengarah daripada Ibu Pejabat dan juga Negeri.

Buku ini mengandungi segala maklumat berkaitan kod etika dan tatakelakuan yang perlu dipatuhi dan diamalkan oleh semua warga Jabatan di seluruh Malaysia.



# MESYUARAT JAWATANKUASA INTEGRITI DAN TADBIR URUS 2015

Putrajaya, 18 Disember 2015 :

Satu mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) 2015 telah berlangsung di Dewan Persidangan Sri Rampai Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia Putrajaya.

Mesyuarat yang telah dihadiri oleh pengarah-pengarah Bahagian Ibu Pejabat itu dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kastam Malaysia, Dato' Sri' Khazali Bin Hj. Ahmad. Mesyuarat yang berlangsung adalah yang pertama sekali diadakan selaras dengan arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014.

Objektif mesyuarat adalah tertumpu kepada penyelesaian masalah yang dihadapi oleh Negeri dan juga Bahagian Ibu Pejabat dan jika masalah itu tidak dapat diselesaikan di peringkat Jabatan, isu tersebut perlu dibawa ke peringkat yang lebih tinggi mengikut keputusan mesyuarat JITU peringkat Jabatan.

Mesyuarat ini akan dijalankan sebanyak 3 kali setahun dan segala hasil laporan akan dihantar ke Kementerian Kewangan untuk tujuan pelaporan setiap kali mesyuarat berlangsung.



# Program Taklimat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)

Putrajaya, 3 Februari 2016 :

Satu taklimat berkenaan latarbelakang Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) telah diadakan di Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia Putrajaya.

Taklimat yang telah disampaikan oleh Tn. Alan Tirupakaran, Pegawai Tadbir Urus kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan yang juga merangkap Menteri yang bertanggungjawab ke atas Tadbir Urus, Integriti dan Hak Asasi Manusia.



Taklimat yang disampaikan menjurus khas kepada latarbelakang JITU, *process flow* JITU dan juga cara-cara untuk membuat laporan JITU kepada para peserta yang hadir daripada Bahagian Ibu Pejabat dan juga Negeri-Negeri diseluruh Malaysia.



Majlis penutupan taklimat telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Cawangan Integriti Ibu Pejabat, Tn. Hj. Razim Bin Mohd Noor.

# PROGRAM MESRA INTEGRITI

Pahang, 15 Februari 2016 :

Pahang merupakan Negeri pertama yang dilawati oleh Cawangan Integriti untuk program pada tahun 2016. Program kali ini diketuai oleh Pn. Shamsiah Binti Abdul Samad, PKPK II Unit Pemeriksaan dan Pematuhan Cawangan Integriti dan dibantu oleh dua orang PPK iaitu Tn. Kawi A/L Nyomui dan juga Pn. Nor Azlizan Binti Mohd Mustama.

Pemeriksaan Wang Saku, kehadiran dan rekod penggunaan kenderaan telah dijalankan oleh pasukan ini di Pejabat Kastam Negeri dan juga stesen-stesen yang dikunjungi seperti di Kuala Rompin dan di Bahagian Penguatkuasaan.

Satu *Exit Conference* membincangkan hasil naziran telah dijalankan di Pejabat Kastam Negeri dan dipengerusikan oleh Pengarah Kastam Negeri Pahang, Dato' Sarip Bin Ismail.

**Tahukah anda?**

Program Naziran Integriti merupakan program tahunan yang dijalankan oleh Unit Pemeriksaan dan pematuhan Cawangan Integriti. Program ini yang dimana menjalankan *roadshow* ke seluruh Negara akan membuat program nazar dari masa ke semasa seperti pemeriksaan wang saku, kehadiran dan juga pemeriksaan uniform pegawai. *Roadshow* naziran ini juga tidak terbatluk hanya di Ibu Pejabat Negeri, malah merangkumi semua stesen di setiap negeri yang dikunjungi.

GAMBAR DI MUKA SURAT SETERUSNYA



*Exit Conference* dipengerusikan oleh Pengarah Kastam Negeri Pahang, Dato' Sarip Bin Ismail di Pejabat Kastam Negeri dan dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan Jabatan dan pegawai dari Cawangan Integriti



PKPK II, Pn. Shamsiah Binti Abdul Samad bersama pegawai-pegawai dari Cawangan Integriti melakukan pemeriksaan terhadap wang saku, kenderaan dan kehadiran.

# **KURSUS PENGUKUHAN INTEGRITI JKDM SIRI 1/2016**

## **INSTITUT LATIHAN ISLAM MALAYSIA WILAYAH TIMUR**

### **ANJURAN CAWANGAN INTEGRITI, IBU PEJABAT**



## STATISTIK ADUAN AWAM 2016

SEHINGGA FEBRUARI 2016

### BILANGAN MENGIKUT SALURAN YANG DITERIMA

SALURAN	BILANGAN
SISTEM E-ADUAN	287
EMEL	81
HADIR	0
SURAT/MEMO	14
TELEFON	0
SAMPUL KECIL	1
BORANG MAKLUMBALAS/ADUAN	0
<b>JUMLAH</b>	<b>383</b>

### BILANGAN MENGIKUT KATEGORI

BAHAGIAN	BILANGAN
UNIT ADUAN HQ	51
UNIT ADUAN NEGERI	74
GST	252
PENGUATKUASAAN	6
<b>JUMLAH</b>	<b>383</b>

### BILANGAN MENGIKUT BAHAGIAN

KATEGORI	BILANGAN
ADUAN AWAM	332
PERTANYAAN	4
MAKLUMAT	47
<b>JUMLAH</b>	<b>383</b>

## STATISTIK TATATERTIB

SEHINGGA DISEMBER 2015

### KESALAHAN / HUKUMAN

BIL.

#### Jenis Kesalahan:

Tidak hadir bertugas	39
Rasuah / Salahguna kuasa	29
Penyalahgunaan Dadah	3
Kegiatan politik	-
Tidak Mengikut Prosedur Kastam	3
Tatakelakuan	33
<b>Jumlah kes</b>	<b>107</b>

#### Keputusan Lembaga Tatatertib:

Bersalah	78
Bebas	22
Tahan Kerja / Gantung Kerja	4
Tangguh / Pinda Pertuduhan (DNAA)	3

#### Hukuman:

Amaran	19
Denda	2
Lucut Hak Emolumen	8
Tangguh Pergerakan Gaji	9
Turun Gaji	9
Turun Pangkat	1
Buang Kerja	28

#### Kes Kehilangan :

Surcaj	11
Surcaj+Amaran	1
Amaran	1